

30/03/2000

PM terima 136 pencalonan

KOTA KINABALU, Rabu - Dua bahagian Umno yang mengadakan mesyuarat hari ini iaitu Kinabatangan dan Silam mencalonkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi jawatan Presiden dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai Timbalan Presiden.

Dengan itu, Perdana Menteri setakat ini memperolehi 136 pencalonan manakala Timbalan Perdana Menteri, 135 pencalonan. Kedua-dua tokoh itu sudah menang tanpa dicabar bagi jawatan masing-masing.

Sementara itu, bagi jawatan Naib Presiden, bekas Menteri Besar Selangor, Tan Sri Muhammad Muhd Taib memperolehi pencalonan dari bahagian Kinabatangan hari ini.

Ini adalah pencalonan keempat diperolehinya dari Sabah selepas Umno bahagian Sandakan, Marudu dan Beluran, menjadikan jumlah pencalonan diterimanya setakat ini meningkat kepada 25.

Turut dicalonkan oleh bahagian Kinabatangan bagi bertanding jawatan hiraki ketiga dalam kepimpinan Umno itu ialah Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Osu Sukam dan Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Bahagian Silam pula mencalonkan Osu, Najib dan Menteri Besar Negeri Sembilan, Tan Sri Mohamad Isa Abdul Samad.

Dengan itu, Najib kini memperolehi 124 pencalonan, manakala Osu 31 meskipun setakat ini belum membuat pendirian sama ada bertanding jawatan Naib Presiden atau cuma mempertahankan jawatan Majlis Tertinggi (MT).

Dua puluh lima lagi dicalonkan bagi jawatan MT oleh bahagian Kinabatangan iaitu Datuk Shafie Apdal, Datuk Salleh Said, Tan Sri Kasitah Gaddam, Datuk Anifah Aman, Datuk Paduka Dr Abdul Hamid Othman, Datuk Lajim Ukin, Datuk Dr Yusof Yacob, Datuk Azmi Khalid, Datuk Mohd Ali Rustam, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali, Tan Sri Ramli Ngah Talib, Datuk Nazri Aziz, Datuk Ahmad Zahid Hamidi, Datuk Seri Adnan Yaakub, Datuk Seri Dr Suleiman Mohamad, Datuk Seri Mohd Shariff Omar, Tan Sri Rahim Thamby Chik, Datuk Mustapa Mohamad, Datuk Dr Jamaludin Jarjis, Datuk Khalid Yunus, Datuk Zainal Abidin Zin, Datuk Ruhanie Ahmad, Datuk Tengku Azlan Sultan Abu Bakar, Datuk Suhaili Abd Rahman dan Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir.

Bagi jawatan yang sama bahagian Silam mencalonkan Datuk Shafie Apdal, Datuk Salleh Tun Said, Tan Sri Kasitah Gaddam, Datuk Mustapa Mohamad, Datuk Dr Abdul Hamid Othman, Datuk Lajim Ukin, Datuk Annuar Musa, Datuk Azmi Khalid, Datuk Mohd Ali Rustam, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali, Datuk Aziz Samsudin, Datuk Nazri Aziz, Datuk Ahmad Zahid Hamidi, Datuk Adnan Yaakub, Datuk Dr Suleiman Mohamad, Datuk Railey Jeffrey, Datuk Shahidan Kassim, Datuk Muhammad Hassan, Datuk Shahril Samad, Datuk Zainal Abidin Zin, Datuk Tengku Adnan Tengku Mansor, Datuk Hassan Ariffin, Datuk Kadir Sheikh Fadzir, Datuk Dr Mohd Shafie Salleh dan Azim Mohd Zabidi.